

11-13 JAN  
**2025**



**APPGM-SDG**

MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPUAN

# LAWATAN PEMETAAN ISU

Disediakan oleh:

Persatuan Promosi Matlamat  
Pembangunan Lestari



**HULU SELANGOR**

# DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN HULU SELANGOR, YB TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN



## TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

11 Jan – 13 Jan 2025  
(Sabtu – Isnin)

### HARI 1

1. FGD 1: Persatuan Peniaga-Peniaga Hulu Selangor
2. Sesi Temu Ramah Berfokus Bersama Persatuan Permotoran GWGF Malaysia
3. FGD 2: Persatuan Badan Pengurusan (JMB)

### HARI 2

4. FGD 3: Komuniti Orang Asli
5. FGD 4: Komuniti Orang India
6. FGD 5: Komuniti Felda

### HARI 3

6. FGD 6: Komuniti Pengusaha INAP DESA
7. FGD 7: PPDK
8. FGD 8: Ibu Tunggal
9. FGD 9: Komuniti Orang Cina

# PASUKAN PENYELIDIK



**NUHA MYSARA HISAM**  
*(Ketua Penyelidik)*



**DR. TEO LEE KEN**



**AFIQAH ABDUL MALIK**



**ARUNAGIRI  
SUBRAMANIAN**

# LAWATAN PEMETAAN KAWASAN

## TELAH DIJALANKAN PADA

### 11-13 JAN 2025 (SABTU – ISNIN)



**01**  
09 November 2024  
Mesyuarat Awalan



**02**  
20 Disember  
Mesyuarat Pemprofilan



**03**  
07 Januari 2024  
Mesyuarat Bersama Pejabat Daerah  
Hulu Selangor



**06**  
11 Januari 2025  
FGD 2: Persatuan Badan Pengurusan (JMB)



**05**  
11 Januari 2025  
Sesi Temu Ramah Berfokus Bersama Persatuan Permotoran GWGF Malaysia



**04**  
11 Januari 2025  
FGD 1: Persatuan Peniaga-Peniaga Hulu Selangor



**07**  
12 Januari 2025  
FGD 3: Komuniti Orang Asli



**08**  
12 Januari 2025  
FGD 4: Komuniti Orang India



**09**  
12 Januari 2025  
FGD 5: Komuniti Felda



**12**  
13 Januari 2025  
FGD 8: Ibu Tunggal



**11**  
13 Januari 2025  
FGD 7: PPDK



**10**  
13 Januari 2025  
FGD 6: Komuniti Pengusaha Inap Desa



**13**  
13 Januari 2025  
FGD 9: Komuniti Orang Cina

**09 NOVEMBER 2024 - MESYUARAT AWALAN**

Nur Rahmah, Dr. Teo Lee ken dan Nuha Mysara menjalankan mesyuarat awalan dengan YB Haznizan, MP Hulu Selangor, dan Cik Hidayah dan En. Rizal daripada pejabat YB. Sesi perbincangan untuk pemprofilan dijangka berjalan pada 20hb di Pejabat YB, dan persetujuan tentatif untuk lawatan pemetaan isu dari 10-12hb Januari 2025.

**20 DISEMBER 2024 - MESYUARAT PEMPROFILAN**

Mesyuarat pemprofilan bagi kawasan Parlimen Hulu Selangor telah dijalankan di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Hulu Selangor. Sesi ini telah dihadiri oleh Dr. Teo Lee Ken dan Nuha Mysara daripada APPGM-SDG manakala dari pihak Parlimen Hulu Selangor ialah Cik. Hidayah dan En. Basaruddin. Antara isu awalan yang telah diperolehi adalah isu kekurangan infrastuktur seperti sekolah dan hospital, isu bangunan terbiar dan isu penempatan di perkampungan orang asli.

**07 JANUARI 2025 - MESYUARAT AWAL PEJABAT DAERAH HULU SELANGOR**

Dr. Siti Nur Ain, Nuraiyah, Nuha Mysara dan Tariq Zaid telah menghadiri perjumpaan bersama Pejabat Daerah Hulu Selangor untuk memberi penerangan gerak kerja pemetaan isu bagi tahun 2025 di kawasan Hulu Selangor. Perjumpaan ini dipengerusi oleh Tuan DO, disertai dengan ADO dan 3 wakil penghulu bagi Daerah Hulu Selangor. Pihak DO memberi sokongan penuh kepada APPGM-SDG untuk meneruskan gerak kerja pemetaan isu yang akan berlangsung pada 11-13 Januari 2025.



### FGD 1: PERSATUAN PENIAGA-PENIAGA HULU SELANGOR

FGD 1 bersama persatuan peniaga telah dijalankan di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Hulu Selangor dan telah disertai oleh 5 orang. Antara isu yang telah diketengahkan dalam perbincangan ini adalah: **(1)** isu pengurusan sampah di kawasan Hulu Selangor; **(2)** isu peningkatan warga asing; **(3)** masalah haiwan perosak seperti tikus yang timbul akibat masalah pengurusan sampah; dan **(4)** isu gelandangan yang menimbulkan perasaan kurang senang penduduk setempat.



### SESI TEMU RAMAH BERFOKUS BERSAMA PERSATUAN PERMOTORAN GWGF MALAYSIA

Sesi temu ramah berfokus bersama wakil Persatuan Permotoran GWGF Malaysia telah dijalankan di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Hulu Selangor. Antara isu yang telah diketengahkan dalam perbincangan ini adalah: **(1)** isu kurang peluang pekerjaan bagi anak tempatan; **(2)** isu sosial seperti penyalahgunaan dadah di dalam kalangan belia (penggunaan vape, dadah mushroom), dan lumba haram; dan **(3)** kekurangan kemudahan untuk pembangunan sukan dan kerja permotoran.



### FGD 2: PERSATUAN BADAN PENGURUSAN (JMB)

FGD 2 bersama persatuan badan pengurusan telah dijalankan di Dewan JMB Apartment Anggerik dan telah dihadiri oleh 14 orang. Antara isu yang telah diketengahkan dalam perbincangan ini adalah: **(1)** isu pemilikan geran strata di dalam kalangan JMB; **(2)** isu peningkatan warga asing yang tinggal di kawasan perumahan; **(3)** isu tiada dokumen kelahiran; dan **(4)** isu penyelenggaraan bangunan perumahan yang melibatkan kos yang tinggi.



### FGD 3: KOMUNITI ORANG ASLI

FGD 3 bersama komuniti orang asli telah dijalankan di Balai Raya Kampung Orang Asli Serigala dan telah dihadiri oleh 10 orang. Antara isu yang telah diketengahkan dalam perbincangan ini adalah: **(1)** isu pemilikan tanah orang asli; **(2)** isu kemudahan air bersih dan penyelenggaraan jalan raya; **(3)** isu pendidikan - anak-anak tidak mahu pergi ke sekolah; dan **(4)** kekurangan aktiviti bagi golongan wanita orang asli.



#### FGD 4: KOMUNITI INDIA

FGD 4 komuniti orang India telah dijalankan di Balai Raya Kampung Pasir Kerling dan telah dihadiri oleh 12 orang. Antara isu yang telah diketengahkan dalam perbincangan ini adalah: **(1)** isu perkhidmatan bas percuma; **(2)** isu berkaitan perkhidmatan pelanggan dalam proses permohonan bantuan sosial; **(3)** isu peluang pekerjaan yang rendah; **(4)** isu jaringan perkhidmatan - hospital yang jauh, keadaan jalan raya yang teruk dan membahayakan pengguna; dan **(5)** isu gangsterisme.



### FGD 5: KOMUNITI FELDA

FGD 5 bersama Komuniti FELDA telah dijalankan di Dewan Komuniti FELDA Sg. Tengi dan telah dihadiri oleh 9 orang. Antara isu yang telah diketengahkan dalam perbincangan ini adalah: **(1)** isu perumahan generasi kedua; **(2)** isu berkaitan perkhidmatan bas awam; **(3)** isu peluang pekerjaan yang rendah; dan **(4)** isu jaringan perkhidmatan - tiada balai bomba yang terdekat menimbulkan kekhawatiran penduduk.



#### FGD 6: KOMUNITI PENGUSAHA INAP DESA

FGD 6 bersama pengusaha inap desa telah dijalankan di Dewan Sri Damai dan telah dihadiri oleh 18 orang. Antara isu yang telah diketengahkan dalam perbincangan ini adalah: **(1)** isu infrastruktur - bekalan air, bekalan elektrik dan jalan raya; **(2)** isu pengurusan sampah - tiada sistem pengurusan sampah dan sisa yang terurus; **(3)** isu kebersihan persekitaran - pengusaha dan penduduk kampung mengalami masalah lalat yang serius akibat aktiviti penternakan ayam dan telur berhampiran; dan **(4)** isu pemeliharaan hutan dan sungai - keperluan untuk gazetkan hutan dan pemantauan kualiti air sungai secara berkala.



### FGD 7: PUSAT PEMULIHAN DALAM KOMUNITI (PPDK)

FGD 7 bersama wakil PPDK telah dijalankan di PPDK Puncak Jalinan Kasih dan telah dihadiri oleh 12 orang. Antara isu yang telah diketengahkan dalam perbincangan ini adalah: **(1)** isu kebijakan pekerja PPDK - Elaun, Kursus *Upskilling*; dan **(2)** isu peluang pekerjaan bagi Orang Kelainan Upaya (OKU).




### FGD 8: IBU TUNGGAL

FGD 8 bersama komuniti ibu tunggal telah dijalankan di Dewan Cinta Hawa dan telah dihadiri oleh 25 orang. Antara isu yang telah diketengahkan dalam perbincangan ini adalah: **(1)** isu agihan bantuan - permohonan ditolak, bantuan yang diberikan adalah sikit dan tidak mencukupi; **(2)** isu harga barang yang tinggi dan stok yang sikit dan sukar didapati; **(3)** isu pengurusan sampah di kawasan perumahan; dan **(4)** isu warga asing - menimbulkan rasa kurang selesa, terdapat juga isu apabila mereka membeli barang subsidi.



### FGD 9: KOMUNITI ORANG CINA

FGD 9 bersama komuniti Orang Cina telah dijalankan di Tokong Ulu Yam dan telah dihadiri oleh 12 orang. Antara isu yang telah diketengahkan dalam perbincangan ini adalah: **(1)** isu Kemudahan Infrastruktur - kemudahan lampu jalan, sistem perparitan; **(2)** isu komunikasi dengan pejabat kerajaan dalam melakukan urusan urusan kerajaan; **(3)** isu pengurusan sampah di kawasan Ulu Yam; dan **(4)** isu kekerapan bas awam dan kemudahan perhentian.



**Penyelarasan  
Kawasan Parlimen**

**Pengurusan Projek  
Mikro SDGs**

**Pembangunan  
Kapasiti**

**Advokasi Dasar  
Peringkat Parlimen**

**Solusi Dasar  
Peringkat Daerah**

**Pemerkasaan  
Belia**

**Akademi  
MySDG**

**Pusat MySDG untuk  
Rangkuman Sosial**

**Pusat MySDG untuk Alam  
Sekitar & Kemampanan**



**Persatuan Promosi Matlamant Pembangunan Lestari  
(PPM-023-14-07012020)**

- 📍 A-1-10, Blok A, Pusat Perniagaan Seksyen 8, Jalan Sg. Jernih 8/1,  
46050 Petaling Jaya, Selangor.
- ✉️ secretariat@appgm-sdg.com
- 🌐 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>
- 🌐 <https://appgm-sdg.com/>

**MENINGKATKAN KETERANGUMAN DAN KEMAMPANAN**